

بَابُ التَّعَاوُنِ فِي بِنَاءِ الْمَسْجِدِ وَقَوْلُ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ مَا كَانَ لِلْمُشْرِكِينَ أَنْ يَعْمُرُوا مَسْجِدَ اللَّهِ شَاهِدِينَ عَلَى أَنْفُسِهِمْ بِالْكَفَرِ
أُولَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي النَّارِ هُمْ خَالِدُونَ ﴿٥٣﴾ إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ
الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿٥٤﴾

36- Bab Berkerjasama Dalam Membina Masjid⁶⁵³ Dan Firman Allah Azza Wa Jalla: Bermaksud: Tidaklah Layak Orang-Orang Musyrik Itu Mema'murkan

selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. sampai bila-bila pun dikira sebagai masjid Nabi s.a.w. juga. (8) Mencantikkan masjid, meneguhkannya dan menghiasinya dengan perhiasan-perhiasan yang munasabah adalah diharuskan, jika dilakukan untuk menjaga kehormatannya dan tidak digunakan pula wang baitulmal. Ibnu al-Munaiyyir berkata: "Demi menjaga kehormatan masjid, tidak mengapa meninggi, memperkukuh dan menghiaskannya apabila rumah-rumah kediaman orang di sekitarnya juga begitu." (9) Keharusan merobohkan mana-mana bahagian masjid dan menggantikannya dengan bahan-bahan yang baharu jika diperlukan dalam kerja-kerja pengubahsuaian dan penambahbaikannya. (10) Keharusan menggunakan bahan-bahan yang diimport dari luar negara untuk membuat masjid, rumah dan lain-lain walaupun dari negara bukan Islam. Buktinya ialah kayu bermutu tinggi seperti kayu jati yang digunakan di negeri Arab pada ketika itu kebanyakannya datang sama ada dari India atau Afrika. Begitu juga dengan batu berukir dan besi yang digunakan dalam konkrit tiang-tiang masjid oleh Saiyyidina Utsman. Kebanyakannya datang dari luar negara. (11) Orang-orang Islam hendaklah tahu menyesuaikan diri dengan perkembangan zaman. Mereka juga sepatutnya sentiasa berfikir untuk menjaga maruah agama dan ummat.

⁶⁵³ Tajuk bab ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Ini ialah bahagian pertamanya. Bahagian keduanya bermula dengan "Dan Firman Allah ...". Walaupun ia terbahagi kepada dua bahagian tetapi kedua-dua bahagiannya saling berkait rapat. Benar juga kalau dikatakan bahagian keduanya adalah bukti dan penguat kepada bahagian pertamanya. Yang disebut-sebut sebagai maksud Bukhari mengadakan bab ini ada tiga semuanya. (1) Imam Bukhari mahu mengisytarkan bahawa berkerjasama dalam membina masjid adalah satu perbuatan yang mendatangkan pahala. Orang yang lebih banyak menyumbang dalam pembinaannya akan mendapat lebih pahala. (2) Menghilangkan kekeliruan yang mungkin timbul daripada tindakan Rasulullah s.a.w. tidak mahu menerima tanah tapak masjid yang hendak diberikan secara percuma oleh pemilik-pemilikinya. Seolah-olahnya beliau s.a.w. tidak membuka peluang kerjasama untuk pembinaan masjid. Dengan mengadakan bab ini Imam Bukhari menegaskan bahawa kerjasama memang diperlukan malah dianjurkan dan digalakkan tetapi kalau sampai menggunakan hak-hak orang lain dengan cara yang tidak benar, itu sama sekali tidak diharuskan. Oleh kerana tanah tapak masjid yang ditawarkan secara percuma kepada Rasulullah s.a.w. melibatkan juga hak anak yatim, beliau menolak tawaran itu dan tidak mahu menerimanya kecuali dengan dibeli. (3) Orang-orang Islam tentunya akan mendapat menafa'at secara langsung atau tidak langsung daripada pembinaan sesebuah masjid. Oleh itu mereka hendaklah berkerjasama dalam menjayakan pembinaannya. Bagi penulis, Imam Bukhari mahu menarik perhatian kepada dua perkara. **Pertama:** Tentang erti pembinaan masjid atau meng'imarahkan masjid menurut istilah al-Qur'an. **Kedua:** Siapakah sepatutnya berkerjasama membina dan membangunkan masjid dan kenapa? Ibnu Rajab menulis: "Ada dua erti meng'imarahkan masjid: (1) Meng'imarahkannya dari sudut lahiriah dengan membina, membaiki, mengelokkannya dan lain-lain. (2) Meng'imarahkannya dari sudut ma'nawi dan kerohanian dengan bersembahyang, berzikir, membaca al-Qur'an, menyebarkan ilmu yang diturunkan Allah kepada Rasulullah dan lain-lain di dalamnya. Ada ahli tafsir mentafsirkan ayat di atas dengan erti pertama, ada yang mentafsirkannya dengan erti kedua dan ada juga yang mentafsirkannya dengan kedua-dua erti tadi." Orang yang patut berkerjasama dalam menterjemahkan kedua-dua erti itu dalam kenyataan ialah orang-orang Islam bukan orang-orang kafir. Sebabnya ialah orang-orang Islam dan beriman sahaja yang dapat mengambil menafa'at daripada membina, membangun dan menghidupkan (meng'imarahkan) masjid. Mereka juga yang layak dengan masjid yang merupakan pusat ajaran tauhid. Hakikat ini jelas dapat dilihat di dalam dua ayat Surah at-Taubah yang dibawakan oleh Bukhari di dalam tajuk bab di atas. Maka orang-orang Islam sepatutnya membina sendiri, memperbaiki sendiri dan mengubahsuaikan sendiri segala apa yang berkaitan dengan bangunan masjid itu. Mereka tidak seharusnya bergantung kepada orang-orang kafir. Meng'imarahkan masjid dengan erti menghidupkannya dengan amal ibadat sudah tentu merupakan sesuatu yang khusus dengan umat Islam. Sampai di sini timbul

Masjid-Masjid Allah, Sedang Mereka Menjadi Saksi (Mengakui) Akan Kekufuran Diri Mereka Sendiri. Itulah Orang-Orang Yang Segala Amalannya Sia-Sia Dan Mereka Pula Akan Kekal Di Dalam Neraka. 17.

Hanyasanya Yang Layak Memamurkan Masjid-Masjid Allah Itu Adalah Orang-Orang Yang Beriman Kepada Allah Dan Hari Akhirat Serta Mendirikan Sembahyang Dan Menunaikan Zakat Dan Tidak Takut Melainkan Kepada Allah. (Dengan Adanya Sifat-Sifat Yang Tersebut) Maka Adalah Diharapkan Mereka Termasuk Dalam Golongan Orang-Orang Yang Mendapat Petunjuk. 18.⁶⁵⁴ (At-Taubah:17-18).

٤٢٨ - حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ مُخْتَارٍ قَالَ حَدَّثَنَا خَالِدُ الْحَذَّاءُ عَنْ عِكْرِمَةَ قَالَ لِي ابْنُ عَبَّاسٍ وَلَا بِنْتُهُ عَلِيٌّ انْطَلَقَا إِلَى أَبِي سَعِيدٍ فَاسْمَعَا مِنْ حَدِيثِهِ فَأَنْطَلَقْنَا فَإِذَا هُوَ فِي حَائِطٍ يُصَلِّحُهُ فَأَخَذَ رِدَاءَهُ فَاحْتَبَى ثُمَّ أَنْشَأَ يُحَدِّثُنَا حَتَّى أَتَى ذِكْرَ بِنَاءِ الْمَسْجِدِ فَقَالَ كُنَّا نَحْمِلُ لَبَنَةً لَبَنَةً وَعَمَّارٌ لَبَنَتَيْنِ لَبَنَتَيْنِ فَرَأَاهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَيَنْفُضُ

persoalan, tidak ada langsungkah ruang untuk orang-orang kafir berkerjasama dengan kita dalam pembinaan masjid? Bagaimana kalau mereka secara sukarela mahu membantu kita umat Islam dalam mengimarahkan sudut lahiriah masjid? Dan bolehkah atau tidak misalnya kita mengupah mereka untuk memperbaiki sesuatu yang rosak di dalam masjid atau memasang sesuatu yang diperlukan di dalamnya? Sesetengah 'ulama' berpendapat orang-orang kafir boleh berkerjasama dengan kita dalam pembinaan masjid, berdasarkan Masjidilharam di zaman rasulullah s.a.w. adalah hasil binaan orang-orang kafir. Rasulallah s.a.w. sendiri telah berkerjasama dengan mereka dalam pembinaan Ka'bah yang merupakan pusat Masjidilharam sebelum Baginda s.a.w. dilantik menjadi rasul. Di dalam masjid itulah kemudiannya Nabi s.a.w. dan orang-orang Islam yang lain bersembahyang. Dengan menghadap ke arah Ka'bah itulah juga mereka bersembahyang sepanjang hayat. Ini jelas menunjukkan kerjasama mereka dalam pembinaan sesebuah masjid tidak menjadi penghalang kepada umat Islam untuk beribadat di dalamnya. Cuma faedah kerjasama mereka itu hanya terhenti setakat lahir sahaja, ia sama sekali tidak mendatangkan pahala kepada mereka. Walau bagaimanapun Para 'ulama' tetap tidak mengharuskan masjid dibina dengan wang yang didermakan oleh orang kafir khusus untuk membina masjid, meskipun mereka tidak terlibat secara langsung dalam pembinaannya. Ini adalah pendapat jumhur 'ulama' Islam. Pihak yang tidak membenarkannya berpegang dengan zahir ayat-ayat di atas yang menafikan kelayakan orang-orang musyrikin untuk memamurkan masjid-masjid Allah dalam segala bentuknya. Hadits 'Iyaadh bin Himaar r.a. berikut ini juga menjadi pegangan mereka. Kata 'Iyaadh:

أَهْدَيْتُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَاقَةً فَقَالَ اسْلَمْتُ فَقُلْتُ لَا فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنِّي لَهَيْتُ عَنْ زَيْدِ الْمُشْرِكِينَ

Bermaksud: Aku hendak menghadiahkan seekor unta kepada Nabi s.a.w. Baginda bertanya: "Adakah engkau telah memeluk Islam?" Jawabku: "Tidak." Nabi s.a.w. terus bersabda: "Sesungguhnya aku dilarang daripada mengambil hadiah (sumbangan) orang-orang musyrikin." (Hadits riwayat Abu Daud, Tarmizi, Baihaqi, Ibnu al-Jarud, at-Thabaraani dan lain-lain). Soal mengupah orang-orang musyrikin untuk membina, memperbaiki sesuatu yang rosak di dalam masjid atau memasang sesuatu yang diperlukan di dalamnya, kebanyakan 'ulama' membolehkannya. 'Umar bin 'Abdil 'Aziz dikatakan telah mengupah beberapa orang pekerja Kristian dalam pembinaan masjid Nabi s.a.w. yang berlaku di zaman pemerintahan al-Walid bin 'Abdil Malik. Demikian tulis Ibnu Rajab.

⁶⁵⁴ Menurut Hafiz Ibnu Hajar tujuan Bukhari membawa dua ayat Surah at-Taubah ini ialah untuk mentarjihkan satu daripada dua ihtimaal (ma'na) pada dua perkataan di dalamnya. **Pertama:** Perkataan **مَسْجِدَ اللَّهِ**. Ia mungkin bererti tempat-tempat sujud kepada Allah atau tempat-tempat yang dibina khusus untuk mendirikan sembahyang yang juga dipanggil masjid. **Kedua:** Perkataan **يَعْمُرُ**. Jika **مَسْجِدَ اللَّهِ** dipakai dengan ma'na kedua tadi iaitu ia dipakai dengan ma'na masjid, maka memamurkannya (perkataan **يَعْمُرُ**) mungkin bererti membinanya atau boleh jadi juga ia bererti menghidupkannya dengan ibadat. Bagi Hafiz Ibnu Hajar, Imam Bukhari mentarjihkan perkataan **مَسْجِدَ اللَّهِ** dengan erti masjid-masjid dan perkataan **يَعْمُرُ** dengan erti membina. Kesimpulan ialah kerjasama dan tolong menolong dalam membina masjid hanyalah layak dan berfaedah untuk orang-orang beriman. Adapun orang-orang kafir kerana ketiadaan kelayakan, segala usaha mereka untuk pembinaan masjid adalah sia-sia belaka dan tidak berguna langsung di akhirat nanti.

الْتَرَابَ عَنْهُ وَيَقُولُ وَيَحْ عَمَّارٌ تَقْتُلُهُ الْفِئَةُ الْبَاغِيَّةُ يَدْعُوهُمْ إِلَى الْجَنَّةِ وَيَدْعُوهُمْ إِلَى النَّارِ قَالَ يَقُولُ عَمَّارٌ أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الْفِتَنِ

428- Musaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdul Aziz bin Mukhtar meriwayatkan kepada kami, katanya: Khalid al-Hazzaa' meriwayatkan kepada kami daripada Ikrimah, (katanya): Ibnu `Abbaas telah berkata kepadaku dan kepada anaknya `Ali: “Pergilah kamu kepada Abu Sa`id dan dengarlah haditsnya. Kami pun pergi, rupa-rupanya dia berada di dalam kebun, ketika itu dia sedang mengurusnya. Setelah mengambil selimutnya, beliau duduk berpaut lutut. Kemudian mula bercerita kepada kami sehinggalah apabila tiba cerita tentang pembinaan masjid, beliau berkata: “Kami pikul satu-satu ketul batu. Ammar pula memikul dua-dua ketul batu.⁶⁵⁵ Apabila ternampak dia (`Ammar), nabi s.a.w. mengebas debu tanah padanya dan Baginda bersabda: “Aduhai `Ammar! Dia akan dibunuh oleh golongan yang derhaka.⁶⁵⁶ Dia menyeru mereka kepada syurga. Mereka pula menyerunya kepada

⁶⁵⁵ Di sinilah letaknya landasan tajuk bab yang dibuat Bukhari. Para sahabat memang telah berkerjasama dengan Nabi s.a.w. dalam pembinaan masjid. Baginda s.a.w. tidak melibatkan seorang pun bukan Islam dalam pembinaan masjidnya.

⁶⁵⁶ Ramai orang menganggap kesyahidan `Ammar bin Yasir sebagai penentu kepada salah atau betulnya dua golongan Islam yang telah ditakdirkan Allah s.w.t. berperang di permulaan sejarah Islam. Mereka memutuskan bahawa Saiyyidina Ali berada di pihak yang benar kerana `Ammar telah terbunuh dalam perang Shiffin di pihak beliau, sementara Saiyyidina Mu`aawiyah dan penyokong-penyokongnya pula berada di pihak yang salah bahkan mereka adalah golongan yang dikatakan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai al-Fiatu al-Baaghiah (golongan yang derhaka) dalam sabdanya ini. Hadits ini bukan sahaja diriwayatkan oleh al-Bukhari malah oleh orang-orang lain juga di dalam kitab-kitab mereka. Ramai sekali didapati orang-orang Islam semenjak dahulu sehingga ke hari ini menyalah-pasangkan perkataan al-Fiatu al-Baaghiah itu. Akibatnya mereka terjerumus ke dalam prasangka yang bukan-bukan terhadap orang-orang yang tidak bersalah dari kalangan sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. Mereka terbawa-bawa dan terikut-ikut dengan pandangan-pandangan orang-orang terdahulu yang mengatakan Saiyyidina Mu`aawiyah dan pengikut-pengikutnya adalah *baaghiah* (penderhaka atau pemberontak) sementara Saiyyidina Ali pula secara pasti berada di atas kebenaran. Para sahabat yang menentang beliau sama ada dalam peperangan Jamal atau Shiffin dianggap berada di atas kebathilan dan kesalahan tanpa ragu-ragu lagi dan pendapat beginilah dikatakan pendapat Ahlus Sunnah Wal Jamaah padahal pendapat seperti itu bukanlah pendapat Ahlus Sunnah sebenarnya, malah itulah pendapat Ahlus Sunnah yang telah termakan racun di`ayah (propaganda) musuh-musuh Islam dari kalangan Syi`ah yang tidak henti-henti berusaha mengecamukkan pemikiran umat Islam. Pada hakikatnya itulah pendapat Syi`ah seperti kata Hafiz Ibnu Hajar: “Fahaman Syi`ah dalam istilah `ulama' mutaqaddimin ialah mempercayai Ali lebih utama daripada Utsman dan Ali benar (berada di pihak yang benar) dalam semua peperangannya sementara orang yang menentangnyanya adalah salah. Walaupun begitu mereka (Syi`ah di zaman awal itu) tetap mengutamakan Abu Bakar dan Umar daripada Ali sendiri.” Berdasarkan fakta-fakta sejarah, tidak tepat jika dikaitkan *al-Fiatu al-Baaghiah* itu dengan Mu`aawiyah dan pembela-pembelanya, apalagi jika dilihat kepada beberapa bukti dari hadits yang dengan terang menyebut Mu`aawiyah dan pengikut-pengikutnya sebagai salah satu dari dua *Fiatul Aziimah* bukannya *Fiatul Baaghiah*. Hadits itu antara lainnya berbunyi:

لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى تَقْتُلَ فِئَتَانِ عَظِيمَتَانِ تَكُونُ بَيْنَهُمَا مَقْتَلَةٌ عَظِيمَةٌ وَدَعَاؤُهُمَا وَاحِدَةٌ

Bermaksud: “Qiamat tidak akan berlaku selagi tidak berlaku peperangan di antara dua golongan besar (*Fiataini `Aziimataini*). Peperangan yang dahsyat akan berlaku di antara dua golongan itu, sedangkan da`waan kedua-dua golongan itu adalah sama.” (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Baihaqi, Ahmad dan lain-lain). Di dalam sebuah hadits yang lain Nabi s.a.w. bersabda sambil mengisyaratkan kepada cucu

neraka. Abu Sa'id berkata: 'Ammar selalu berdoa (begini): "Aku berlindung dengan Allah daripada fitnah."⁶⁵⁷

Baginda s.a.w. Saiyyidina Hasan r.a.: *إِن ابْنِي هَذَا سَيِّدٌ وَلَعَلَّ اللَّهَ أَنْ يُصَلِّحَ بِهِ بَيْنَ فِتْنَتَيْنِ عَظِيمَتَيْنِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ* Bermaksud: "Sesungguhnya cucuku ini adalah penghulu. Allah pasti akan mendamaikan dengannya (perselisihan yang berlaku di antara) dua golongan besar (*Fiataini* 'Aziimataini) orang-orang Islam." (Hadits riwayat Bukhari, Tirmizi, Ahmad, Abu Daud, Nasaa'i dan lain-lain). Dua golongan besar orang-orang Islam yang didamaikan oleh Saiyyidina Hasan di masa pemerintahannya itu ialah golongan Saiyyidina Ali dan golongan Saiyyidina Mu'aawiyah dengan ittifaq 'ulama'. Oleh itu tidaklah tepat *al-Fiatu al-Baaghiah* itu dengan golongan Saiyyidina Mu'aawiyah. Tentu sekali anda akan tertanya-tanya tentang *al-Fiatu al-Baaghiah* itu, kalau begitu siapa pula mereka? Jawapannya ialah lembaran sejarah menyaksikan bahawa *al-Fiatu al-Baaghiah* yang disebutkan akan membunuh 'Ammar oleh Nabi s.a.w. itu bukanlah golongan yang berada di pihak Mu'aawiyah tetapi mereka adalah sekumpulan manusia yang berselindung di sebalik Saiyyidina Ali dengan menyamar sebagai anggota pasukan tenteranya. Sejarah mengenali mereka dengan nama Syi'ah. [untuk mendapat lebih penjelasan sila baca buku penulis berjudul: *Saiyyidina Mu'aawiyah Khalifah Rasyid Yang Teraniaya*]. Syeikh Ahmad Sarhindi yang dikenali sebagai Mujaddid Alf ats-Tsani r.a. menempelak golongan 'ulama' yang mengaitkan hadits ini dengan Mu'aawiyah dan pembela-pembelanya walau dengan ta'wilan apa sekalipun. Kata beliau: "Kamu mesti ingat, kalau kamu mengaitkan hadits ini dengan Mu'aawiyah dan pendokong-pendokongnya, bererti kamu menganggap separuh daripada sahabat penderhaka dan penyeru kepada neraka. Kalau begitu bagaimana pula kamu menerima riwayat-riwayat mereka sebagai riwayat-riwayat yang mu'tabar?" Syeikh Ahmad Sarhindi juga menyelar pengarang kitab fiqh Hanafi yang terkenal 'Al-Hidayah' kerana pengarangnya (al-Marghinaani) mengatakan Mu'aawiyah zalim. Demikian tersebut di dalam "Iqdu al-La'ali" Taqir Sahih Bukhari oleh guru penulis, al-Muhaddits Maulana Mufti Wali Hasan Khan. Di dalam Taqir yang sama guru penulis berkata: "Ali dan Mu'aawiyah langsung tidak terjejas dengan sumpah seranah dan kutukan orang-orang kemudian, setelah mereka berdua mengambil tempat masing-masing di syurga. Tetapi yang tentu terjejas ialah iman orang-orang yang membenci mereka."

⁶⁵⁷ Antara pengajaran dan panduan yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Berkerjasama dalam pembinaan masjid adalah antara amalan yang paling afdhal, kerana pahalanya akan diperolehi seseorang secara berterusan hingga selepas mati. Ia termasuk dalam amal saleh yang menafa'atnya berpanjangan. (2) Galakan mengambil ilmu daripada semua orang yang berilmu walaupun orang yang mengambil ilmu itu mempunyai kelebihannya sendiri. Di dalam kisah yang dibentangkan di atas, Ibnu 'Abbaas yang terkenal dengan keluasan ilmunya telah menyuruh anaknya 'Ali pergi menemui Abu Sa'id untuk mempelajari sesuatu daripadanya. (3) Jika ditinjau dari sudut ilmu hadits, boleh juga dikatakan tujuan Ibnu 'Abbaas menghantar anaknya kepada Abu Sa'id ialah untuk mendapat sanad yang tinggi (السند العالي) atau sanad yang lebih tinggi (السند الأعلى). Ini kerana Abu Sa'id lebih tua daripada Ibnu 'Abbaas selain lebih lama bersahabat dengan Nabi s.a.w. dan lebih banyak meriwayatkan hadits daripada Baginda s.a.w. berbanding Ibnu 'Abbaas. (4) Manusia biar bagaimana alim sekalipun, ilmunya tidak akan meliputi. Atas kesedaran itulah Ibnu 'Abbaas yang terkenal alim itu telah menghantar anaknya kepada Abu Sa'id dengan harapan anaknya akan mendapat sesuatu yang tidak ada padanya. (5) Seseorang alim hendaklah berada dalam keadaan cukup bersedia untuk menyampaikan sesuatu hadits Nabi s.a.w. Dia hendaklah mengambil satu kedudukan yang sesuai dengan kemuliaan hadits. (6) Tidak menyampaikan hadits dalam keadaan sambil lewa ketika sedang melakukan sesuatu pekerjaan yang lain demi menjaga kehormatan hadits. Begitulah sikap para salaf. (7) Dalam melakukan kerja-kerja kebajikan, seseorang boleh memilih cara yang lebih sukar untuk mendapat pahala yang lebih besar. Itulah yang dilakukan oleh 'Ammar apabila dia memungghah dua-dua ketul batu sekali gus tidak seperti orang-orang lain yang hanya memungghah satu-satu ketul batu sahaja. (8) Memuliakan orang yang berkerja di jalan Allah dan melayaninya dengan layanan yang baik lagi menyenangkan, sama ada melalui tutur kata atau perbuatan. (9) Di dalam hadits di atas terdapat mu'jizat Nabi s.a.w. Baginda s.a.w. telah pun meramalkan kematian 'Ammar dengan cara dibunuh oleh golongan derhaka dan durjana kira-kira tiga puluh sebelum berlakunya. Benarlah kata penyair ini: *مصطفى برگز نه گفته تا نه گفته جبرئیل* جبرئیل برگز نه گفته تانه گفته پروردگار (Muhammad sekali-kali tidak akan bercakap selagi tidak bercakap Jibra'il. Jibra'il pula sekali-kali tidak akan bercakap selagi tidak bercakap Rabbul Jalil). (10) Mengurus sendiri harta benda dunia yang dimiliki adalah salah satu perkara yang dibanggakan oleh as-Salaf as-Saleh. Sikap mereka dalam hal ini dengan terang menampakkan sifat tawadhu' atau sifat merendah diri mereka. (11) Elok sekali seseorang memohon kepada Allah agar Allah menghindarkannya daripada fitnah. Sebabnya ialah seseorang tidak dapat

بَابُ الاسْتِعَانَةِ بِالتَّجَارِ وَالصَّنَاعَةِ فِي أَعْوَادِ الْمِنْبَرِ وَالْمَسْجِدِ

37- Bab Melibatkan Tukang Kayu dan Tukang-Tukang (Yang lain) Dalam Membuat Mimbar Dan Membina Masjid.⁶⁵⁸

mempastikan sama ada fitnah yang bakal menyimpannya nanti adakah akan mendatangkan pahala kepadanya atau akan menyebabkannya berdosa. Kalaulah setiap fitnah yang menimpa pasti mendatangkan pahala, tentulah 'Ammar tidak berlindung kepada Allah daripada mendapat pahala. (12) Kata Ibnu batthaal: "Hadits ini menolak hadits palsu yang tersebar dengan meluas di kalangan orang ramai iaitu: لَا تَسْتَعِذُوا مِنَ الْفِتَنِ فَإِنَّ فِيهَا حَصَادَ الْمُنَافِقِينَ. Bermaksud: "Jangan kamu memohon perlindungan daripada fitnah kerana pada masa fitnah berlakulah orang-orang munafiq dituai." Ibnu Wahab, Hafiz Ibnu Hajar, as-Sakhaawi, Ibnu Taimiyyah, Jalaluddin as-Suyuthi dan lain-lain mengatakan hadits ini maudhu' dan karut. (13) Kelebihan 'Ammar bin Yaasir dan Abu Sa'id al-Khudri r.a. (14) Satu daripada budaya umat Islam yang sangat baik ialah pergi menghadap 'alim 'ulama' untuk mendapatkan ilmu agama, khususnya hadits rasulullah s.a.w. Budaya ini berterusan sejak zaman berzaman lagi. (15) Melibatkan diri dalam pertanian adalah adalah satu perbuatan yang mulia di sisi agama. (16) Sebagai menghormati tetamu, meninggalkan sesuatu pekerjaan yang dibuat, mengemaskan pakaian dan bercakap-cakap dengan mereka penuh sopan adalah termasuk dalam peradaban Islam. (17) Menerima dan mengakui kelebihan orang tidak akan mengurangkan kelebihan kita. (18) Memuliakan para pelajar dan mengutamakan hajat mereka daripada daripada hajat sendiri.

⁶⁵⁸ Imam Bukhari mengadakan bab ini untuk menyatakan beberapa perkara berikut ini: (1) Mengisyratkan kepada maudhu' dan karutnya hadits جَنَّبُوا مَسَاجِدَكُمْ صُنَاعَكُمْ yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Adi di dalam al-Kamilnya, al-Khathib di dalam Talkhish al-Mutasyabihnya dan lain-lain tokoh di dalam kitab masing-masing, melalui saluran riwayat Muhammad bin Mujib daripada Ja'far bin Muhammad daripada ayahnya daripada datuknya daripada 'Ali bin Abi Thalib. Muhammad bin Mujib ialah seorang perawi yang langsung tidak berguna haditsnya. Demikian kata Abu Hatim ar-Razi. Yahya bin Ma'in mengatakan Muhammad bin Mujib adalah كَذَّابٌ (pendusta besar). (2) Keelokan memilih dan melibatkan tukang atau orang yang mahir di bidang binaan dalam pembinaan, khususnya masjid. (3) Kedua-dua hadits yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah bab ini hanya menyebut tentang tukang kayu untuk membuat mimbar yang merupakan salah satu alat penyempurna dan pelengkap masjid. Tidak ada satu pun hadits tentang tukang-tukang yang lain yang diambil untuk pembinaan masjid itu sendiri dikemukakan oleh beliau. Hadits-hadits tentang tukang-tukang yang lain memang ada tetapi oleh kerana ia tidak menepati syarat Sahihnya, Bukhari mengisyratkan sahaja kepadanya di dalam tajuk bab dengan menyebut perkataan الصَّنَاعِ (tukang-tukang yang lain) selain tukang kayu. Antara hadits sahih tentang tukang-tukang yang lain selain tukang kayu yang terlibat dalam pembinaan masjid ialah hadits Thalq bin 'Ali r.a. ini, kata beliau:

بَنَيْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَسْجِدَ الْمَدِينَةِ وَكَانَ يَقُولُ قَدُمُوا الْيَمَامِيَّ مِنَ الطِّينِ فَإِنَّهُ مِنْ أَحْسَنِكُمْ لَهُ مَسًا وَأَشَدُّكُمْ لَهُ سَاعِدًا. Bermaksud: Saya telah membina masjid Madinah bersama rasulullah s.a.w. Beberapa kali Baginda s.a.w. berkata: "Biarkan Yamaami (orang Yamaamah) itu berada dekat tanah (plaster). Kerana di antara kamu dia adalah yang paling baik sentuhannya (paling pandai menggunakannya). Lengannya juga adalah paling kuat di antara kamu. (Hadits riwayat Ibnu Hibbaan, Thabaraani, Abu Nu'aim dan adh-Dhiyaa' al-Maqdisi). (4) Cara memahami hadits antaranya ialah dengan menggunakan qias. Tidak mengapa kalau tukang-tukang yang lain selain tukang kayu tidak disebut di dalam hadits di bawah bab ini. Sebabnya ialah kalau untuk mendapat mimbar yang baik pun kita memerlukan tukangnyanya, tentulah untuk membina masjid yang besar dan baik kita lebih-lebih lagi memerlukan orang-orang yang mahir tentangnya. (5) Sebelum ini Bukhari mengadakan bab berkerjasama dalam pembinaan masjid, untuk menyatakan keelokan kerjasama tersebut. Ia melibatkan semua orang Islam. Bagaimana kalau kerjasama dalam pembinaan masjid itu melibatkan tukang-tukang dan orang-orang yang mahir di bidang binaan? Tentulah hasilnya akan lebih memuaskan dan pahala yang diperolehi mereka juga tentulah lebih besar. Kerana itulah Imam Bukhari mengadakan pula bab ini selepas bab sebelumnya. Itulah pandangan hamba yang dha'if ini.

٤٢٩- حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ حَدَّثَنِي أَبُو حَازِمٍ قَالَ بَعَثَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى امْرَأَةٍ مُرِي غُلَامًا لَهَا النَّجَّارَ يَعْمَلُ لِي أَعْوَادًا أَجْلِسُ عَلَيْهَا

429- Qutaibah bin Sa'id meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdul Aziz meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Hazim meriwayatkan kepadaku daripada Sahal, dia berkata: "Rasulullah s.a.w. menghantar seseorang (sebagai utusan yang membawa pesan baginda s.a.w.) kepada seorang perempuan⁶⁵⁹ (bahawa): "Suruhlah hambamu Sang tukang kayu itu supaya dibuatnya mimbar daripada kayu untukku duduk."

٤٣٠- حَدَّثَنَا خَلَادٌ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَاحِدِ بْنُ أَيْمَنَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّ امْرَأَةً قَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَلَا أَجْعَلُ لَكَ شَيْئًا تَقْعُدُ عَلَيْهِ فَإِنِّي لِي غُلَامًا نَجَّارًا قَالَ إِن شِئْتَ فَعَمِلْتَ الْمُنْبَرَ

430- Khallad meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdul Wahid bin Aiman meriwayatkan kepada kami daripada ayahnya daripada Jabir bin `Abdillah, bahawa ada seorang perempuan berkata: "Wahai Rasulullah! Tak bolehkah saya buatkan untuk tuan sesuatu sebagai tempat duduk tuan? Saya sebenarnya ada seorang hamba yang pandai bertukang." Nabi s.a.w. bersabda: "Kalau engkau mahu, boleh juga." Dia pun membuatkan mimbar itu.⁶⁶⁰

بَابُ مَنْ بَنَى مَسْجِدًا

⁶⁵⁹ Menurut al-Kirmaani, al-'Aini dan al-Qasthallaani, perempuan ini bernama `Aaisyah al-Anshariyyah (dari kalangan Anshaar). Orang yang mengatakan namanya `Ulatsah adalah salah.

⁶⁶⁰ Hadits ini dan hadits sebelumnya sama sekali tidak bercanggah. Hadits ini menjelaskan mula-mula sekali perempuan berkenaan menawarkan khidmat tukangnyanya kepada Nabi s.a.w. Mungkin beberapa hari selepas itu Nabi s.a.w. menghantarkan utusannya kepada perempuan itu agar meneruskan hasratnya. Itulah yang jelas daripada hadits pertama. **Antara pengajaran dan panduan** yang terdapat di dalam hadits ini dan hadits sebelumnya ialah: (1) Keelokan melibatkan orang-orang yang mahir dalam pembinaan tempat-tempat awam khususnya masjid. (2) Keelokan menawarkan diri untuk kerja-kerja agama. (3) Melibatkan orang-orang yang berada di bawah jagaan anda dengan kerja-kerja agama. (4) Majlis Nabi s.a.w. dihadhiri juga oleh orang-orang perempuan. (5) Keharusan bercakap, berbincang dan berdialog dengan lelaki atau perempuan bukan mahram dalam keadaan yang tidak menimbulkan fitnah. (6) Keprihatinan para sahabat lelaki dan perempuan terhadap keperluan dan keselesaan Rasulullah s.a.w. (7) Menerima sumbangan orang ramai untuk menjayakan program-program agama. (8) Kesyukuran memberi sumbangan untuk meninggikan syi'ar-syi'ar agama walaupun tidak diminta. (9) Keharusan menghantar seseorang sebagai utusan untuk membawa apa-apa pesanan. (10) Mengingatkan seseorang terhadap janji yang telah dibuatnya. (11) Keharusan berurusan secara langsung dengan lelaki atau sebaliknya.